

24/04/1998

PM pertahan tindakan polis tembak penjenayah

KUALA LUMPUR, Khamis - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mempertahankan tindakan polis menembak penjenayah bersenjata dan menyifatkan kenyataan Presiden Persatuan Hak Asasi Manusia (Hakam), Raja Aziz Addruse, mengenai tindakan polis itu, sebagai 'tidak adil sama sekali.'

Menurut Perdana Menteri, polis bertindak sedemikian sebagai 'reaksi' kepada tindakan ganas penjenayah terbabit seperti memukul anggota polis sampai mati.

"Saya mahu menyatakan ia tidak adil. Saya mahu lihat bagaimana perasaan Raja Aziz jika mereka (penjenayah) mengacukan senjata kepadanya.

"Mereka ini memukul anggota polis sehingga mati. Jadi, macam mana dia (polis) tak bertindak," katanya kepada pemberita selepas mengunjungi Presiden Burkina Faso, Blaise Compaore, di sini hari ini. Compaore dan rombongan tiba di sini semalam untuk lawatan rasmi lima hari.

Dr Mahathir berkata demikian ketika ditanya mengenai Ketua Polis Negara, Tan Sri Abdul Rahim Noor, yang tersinggung dengan kenyataan Raja Aziz bahawa polis menggunakan senjata api secara berleluasa dan keterlaluan bagi membunuh mereka yang disyaki penjenayah.

Ditanya sama ada beliau merujuk kepada kejadian rusuhan pendatang tanpa izin baru-baru ini, Dr Mahathir yang juga Menteri Dalam Negeri berkata: "Ya, pendatang tanpa izin kadang-kadang penculik..sama-samalah tu."

Isnin lalu, Rahim mempertahankan tindakan polis dengan menyatakan polis tidak akan mengubah kaedah tindakan mereka dalam memastikan keselamatan dan ketenteraman awam.

Ini kerana kaedah yang digunakan itu termaktub dalam Seksyen 15 (ii) Kanun Prosedur Jenayah yang menyebut: "Jika orang yang ditangkap itu melawan dengan kekerasan atau cuba lari daripada tangkapan itu, maka pegawai atau orang lain itu boleh menggunakan sebarang langkah yang perlu untuk melaksanakan tangkapan itu."

Mengenai anggota polis yang bertugas di jalan raya di beberapa negara lain seperti Britain yang tidak membawa pistol, Dr Mahathir berkata, perkara itu hanya wujud pada masa lalu.

"Kini, mereka juga kena membawa senjata," katanya.

Mengenai pertemuan dengan Compaore, Perdana Menteri berkata, mereka berbincang mengenai peluang perniagaan yang boleh diraih oleh usahawan Malaysia di Burkina Faso.

Katanya, meskipun keadaan ekonomi negara agak perlahan, ada banyak potensi perniagaan yang boleh ditinjau oleh usahawan Malaysia di sana apabila keadaan ekonomi bertambah kukuh.

Mengenai perdagangan sektor hartanah dan pembinaan yang semakin menurun di negara ini, Perdana Menteri berkata, kerajaan sedang mencari jalan untuk merencanakan semula industri pembinaan dan sektor hartanah.

(END)